

# Abdullah juga pasti pecat Anwar jika tidak bermoral — Dr. M

UM- 24/9/2004: 5 Perdana

**K**UALA LUMPUR 23 Sept. — Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga pasti memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim dari jawatannya kerana melakukan perbuatan tidak bermoral.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau yakin Abdullah akan turut berbuat demikian kerana tidak ada menteri Kabinet yang wajar dikekalkan sekiranya mengamalkan perlakuan sumbang seperti Anwar.

“Mana-mana menteri yang tidak bermoral mesti dihumban keluar dari Kabinet.

“Saya amat pasti Abdullah juga akan melaku-

kukan perkara yang sama (memecat Anwar),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Perhimpunan Agung UMNO yang ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Turut bersamanya ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir mengulas mengenai ketetapan ketiga-tiga sayap pergerakan UMNO iaitu Wanita, Pemuda dan Puteri semalam yang berte gas menolak kemasukan semula kumpulan pengkhianat yang diketuai oleh Anwar ke dalam parti.

Ditanya sama ada ketetapan sayap UMNO

itu menunjukkan bahawa tindakannya itu betul, Dr. Mahathir berkata, keputusannya dibuat berdasarkan karektor Anwar yang tidak bermoral.

## Sumbang

“Kenyataannya ialah walaupun dia dibebaskan oleh mahkamah, hakim menyatakan bahawa dia melakukan semua perkara (sumbang) itu, cuma tarikhnya sahaja yang tak betul.

“Keputusan saya dibuat atas karektornya yang tidak bermoral, bukan disebabkan oleh tarikh atau apa-apa benda lain,” tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata, ketetapan oleh sayap-

sayap UMNO itu juga dibuat sendiri oleh mereka tanpa dipengaruhi sesiapa.

“Itu keputusan mereka, bukan keputusan saya jadi apa sahaja yang UMNO tetapkan, saya akan ikut kerana saya ahli biasa sahaja.

“Ketegasan ketiga-tiga sayap itu juga dibuat kerana Anwar dan pengikut-pengikutnya hampir memusnahkan perpaduan UMNO ketika mereka berada di luar parti,” kata Dr. Mahathir.

Menurutnya lagi, malah Abdullah sendiri pernah mengatakan bahawa UMNO tidak memerlukan golongan yang pernah menimbulkan masalah kepada parti.